

DB66

B 8800 AAB  
MAHATHIR - AS  
(I)

KUALA LUMPUR, 31 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA AMERIKA SYARIKAT MELONGGARKAN LAGI PASARANNYA UNTUK BARANGAN SIAP DAN SEPARUH SIAP MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENGADAKAN PERBINCANGAN SEJAM DENGAN PENOLONG SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA BAGI HAL EHWAL TIMUR JAUH DAN PASIFIK, DR GASTON SIGUR DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI PAGI INI.

PEMANGKU KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, DATUK RAZALI ISMAIL MEMBERITAHU PEMBERITA MENGENAI PERBINCANGAN ITU DI WISMA PUTRA SELEPAS DR SIGUR MENEMUI MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN PETANG INI.

DATUK RAZALI BERKATA PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH MENGENAI PENEMPATAN SEMULA INDUSTRI AS KE MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MENGENAI KEMUNGKINAN BEBERAPA ASPEK INDUSTRI BESI DI TEMPATKAN DI SINI KERANA MALAYSIA JUGA MEMPUNYAI KEPAKARAN DALAM BIDANG ITU. - LAGI  
1905MST 31 03 86

D902

U 8810 AAB  
MAHATHIR - AS 2 KUALA LUMPUR

INDUSTRI INI DAPAT DIJALANKAN DENGAN BAIK DI SINI KERANA AMERIKA MEMPUNYAI KEPAKARAN TEKNOLOGI LEBIH TINGGI.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU DR SIGUR BAHAWA MALAYSIA BERSEEDIA MENERIMA LEBIH BANYAK PELABURAN DARI AS, BUKAN SAHAJA DALAM BIDANG CIP MIKRO MALAHAN INDUSTRI LAIN.

SEMENTARA ITU, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN DALAM SIDANG AKHBARNYA BERKATA, BELIAU MEMBERITAHU DR SIGUR BAHAWA MALAYSIA MENYAMBUT BAIK CADANGAN LAPAN PERKARA KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA (CGDK) UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH RAKYAT KAMPUCHEA.

TENGGU RITHAUDDEEN BERKATA BAGI KALI PERTAMA CADANGAN DIBUAT UNTUK MEMASUKKAN REJIM HENG SAMRIN DALAM KERAJAAN CAMPURAN ITU.

KATANYA VIETNAM MESTI DISENARAIKAN DALAM SEBARANG PERBINCANGAN BERHUBUNG ISU KAMPUCHEA KERANA IA PERLU MEMAINKAN PERANANYA UNTUK MENARIK TENTERANYA DARI KAMPUCHEA. -- LAGI.  
2007MST 31 03 86

D903

U 8811 AAB  
MAHATHIR - AS 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MALAYSIA AKAN SENTIASA BERMINAT DALAM SEBARANG CADANGAN ATAU AKAN MENYEDIAKAN IDEANYA SENDIRI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KAMPUCHEA SUPAYA RAKYATNYA BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN MASA DEPAN MEREKA SENDIRI.

TENGGU RITHAUDDEEN JUGA MEMBERITAHU DR SIGUR BAHAWA MALAYSIA BERPUSAT HATI DENGAN AS DAN NEGARA LAIN SEPERTI KANADA DAN AUSTRALIA YANG MENGAMBIL PENDATANG HARAM YANG DATANG KE MALAYSIA.

BELIAU JUGA MENGGESA NEGARA-NEGARA LAIN MENERIMA LEBIH RAMAI LAGI.

TENGGU RITHAUDDEEN BERKATA PADA MASA INI KIRA-KIRA SEPARUH DARIPADA 9,000 PENDATANG HARAM DI MALAYSIA TELAH BERADA DI NEGARA INI SEKURANG-KURANGNYA EMPAT TAHUN, KERANA MEREKA TIDAK MEMENUHI KRITERIA YANG DITETAPKAN OLEH NEGARA YANG INGIN MENGAMBIL MEREKA. -- BERNAMA.  
2008MST 31 03 86